

**GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA DAN TEKANAN KERJA DI  
SEBUAH SYARIKAT PERKILANGAN DI JOHOR BAHRU**

**ANIZA BINTI ABD RAHIM**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

***Dedikasi ini Khas Buat Insan Yang Ku Hormati Dan Sanjung***

*Buat Ayah Dan Ibu*  
***Abd Rahim Bin Abas dan Laila Binti Abu Bakar***  
*Dan Juga Suami Dan Anak-Anak*  
***Md Badarudin Bin Jamal***  
***Nur Izzatul Syazwani Binti Md Badarudin***  
***Rafiff Hasmi bin Md Badarudin***  
***Raziff Naimi bin Md Badarudin***

***Yang Sentiasa Mendoakan Kejayaan Saya***

***Ribuan Terima Kasih keatas jasa, pengorbanan, sokongan moral  
nasihat dan kesabaran yang telah diberikan selama ini.***

*Juga Tidak Dilupakan Teman SeperjuanganKu*  
*Suka Duka kita harungi bersama*  
*Terima Kasih atas kesabaran dan pengorbanan selama ini*  
*Kenangan Bersama Kalian tidak akan kulupakan selagi nyawa dikandung badan.*

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur saya kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnianya dan berkat kesabaran yang tinggi saya dapat menyiapkan laporan lengkap Disertasi Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia 2013/2014 iaitu (Gangguan Seksual Dan Tekanan Kerja Di Syarikat Perkilangan Di Johor Bahru) dengan jayanya. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa saya (Abd Rahim bin Abas dan Laila Abu Bakar) dan juga suami saya (Md Badarudin Bin Jamal) serta anak-anak saya (Nur Izzatul Syazwani bte Md Badarudin, Rafiff Hasmi bin Md Badarudin, Raziff Naimi bin Md Badarudin) yang banyak membantu memberi sokongan moral dan semangat yang jitu kepada saya dalam menyiapkan tugas. Tanpa kekuatan daripada mereka belum tentu saya setabah ini.

Jutaan terima kasih dan penghargaan kepada penyelia saya (Prof Madya Dr Ishak Mad Shah) dan penilai saya (Dr Shah Rollah Bin Abdul Wahab dan Dr Koharuddin bin Mohd Balwi) kerana sudi meluangkan masa dan tenaga bertungkus lumus membantu saya dalam menyiapkan laporan disertasi ini sehingga ke tahap yang memberangsangkan. Jasa dan pengorbanan kalian tidak mampu saya membalasnya. Selain itu juga, terima kasih saya rakamkan kepada 187 orang pekerja-pekerja wanita di sebuah syarikat perkilangan di Johor Bahru yang sudi membantu saya dalam menyumbangkan maklumat dan idea bagi menyiapkan laporan ini. Tanpa sokongan daripada mereka belum tentu saya dapat menyiapkan tugas ini dengan sempurna dan mencapai objektif-objektif yang dikehendaki. Di samping itu juga, terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung dalam membantu sedikit sebanyak memberi maklumat dan sokongan moral dalam menyiapkan tugas ini. Akhir kata ribuan kemaafan kepada semua pihak andai kata ada tersalah kata dan bicara yang tidak disengajakan. Sekian, Wassalam.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti bentuk-bentuk gangguan seksual yang kerap berlaku dan hubungannya dengan tekanan kerja di sebuah syarikat perkilangan di Johor Bahru. Seramai 187 orang pekerja-pekerja operator wanita tempatan telah dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Data dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian A (Demografi), bahagian B (Gangguan Seksual) dan bahagian C (Tekanan Kerja). Soal selidik Gangguan Seksual tersebut telah dibentuk dengan menggunakan Soal Selidik Utara Sexual Harassment Questionnaire (USHQ) dan Soal Selidik Tekanan Kerja. Data yang dikumpul kemudian telah di analisis dengan menggunakan statistik deskriptif (min, kekerapan dan paratus) dan statistik inferensi (ANOVA Sehalu dan Korelasi). Dapatan kajian menjelaskan bentuk gangguan seksual yang kerap berlaku di tempat kerja adalah gangguan seksual secara lisan dan pada tahap yang sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan gangguan seksual di kalangan pekerja-pekerja operator wanita berdasarkan faktor umur dan pengalaman bekerja. Dapatan kajian juga menerangkan gangguan seksual mempunyai hubungan yang signifikan dengan tekanan kerja. Dalam kajian ini, beberapa cadangan juga telah dikemukakan untuk pengkaji akan datang, syarikat perkilangan di Johor Bahru dan juga pekerja-pekerja operator wanita.

## **ABSTRACT**

The purpose of this study is to identify the forms of sexual harassment that often occurs and its relationship to job stress in a manufacturing company in Johor Bahru. About 187 local female operators have been chosen as the respondents for this study. The data were collected by using a set of questionnaire which consists of three parts namely part A (Demography), part B (Sexual Harassment) and part C (Work Stress). The questionnaire has been designed by adopting the instruments of Utara Sexual Harassment Questionnaire (USHAQ) and Work Stress Questionnaire. Then, the collected data have been analyzed by using descriptive statistic (mean and percentage) and inferential statistic (One Way ANOVA and Correlation). The finding reveals that verbal form of sexual harassment often happened in a work place. Besides, the result also shows that sexual harassment has a significant difference with age factor and working experience. The finding also show that sexual harassment has a significant relationship with work stress. In this study, some suggestion have been given to the future researchers, manufacturing company in Johor Bahru as well as female operators in manufacturing company.

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	<b>i</b>
	<b>HALAMAN PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>HALAMAN DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>HALAMAN PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xv</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xvi</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xvii</b>
<b>I</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	2
	1.3 Penyataan Masalah	5
	1.4 Persoalan Kajian	10

1.5	Matlamat Kajian	10
1.6	Objektif Kajian	11
1.7	Hipotesisi	11
1.8	Skop Kajian	13
1.9	Kepentingan Kajian	14
1.9.1	Organisasi	14
1.9.2	Pekerja	14
1.9.3	Sumber Ilmiah Dan Pengkaji Akan Datang	15
1.10	Limitasi Kajian	15
1.11	Definisi Konseptual dan Operasional	16
1.11.1	Gangguan Seksual	16
1.11.2	Tekanan Kerja	17
1.12	Kesimpulan	18
<b>II</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1	Pengenalan	19
2.2	Takrifan Gangguan Seksual	20
2.3	Bentuk-bentuk Gangguan Seksual	25
2.4	Gangguan Seksual Dan Fakor Demografi Mangsa	29
2.5	Kesan Gangguan Seksual	30

2.6	Teori-Teori Gangguan Seksual	35
2.6.1	Teori Seksualiti	35
2.6.2	Teori Kuasa Dan Pengaruh Dalam Organisasi	37
2.6.3	Model Sosio Budaya	38
2.6.4	Model Organisasi	39
2.6.5	Model Empat Faktor	40
2.7	Tekanan	44
2.7.1	Konsep Tekanan	44
2.7.2	Konsep Tekanan Kerja	45
2.7.3	Model Tekanan Di Tempat Kerja	46
2.7.4	Kesan-Kesan Tekanan	49
2.8	Rangka Kajian Konseptual	50
2.9	Kajian Lepas	51
2.10	Kesimpulan	58

### **III METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	59
3.2	Reka bentuk kajian	60



3.3	Tempat dan Populasi Kajian	62
3.4	Instrument Kajian	62
3.5	Kajian Rintis	66
3.6	Ujian Analisis	70
3.7	Analisis Data	72
3.8	Kerangka Kajian Operasi	77
3.9	Kesimpulan	79
<b>IV</b>	<b>ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	80
4.2	Demografi Responden	81
4.3	Mengenalpasti Bentuk-Bentuk Gangguan Seksual	83
4.4	Mengenalpasti Perbezaan Gangguan Seksual Berdasarkan Faktor Demografi	100
4.5	Mengenalpasti Hubungan Gangguan Seksual Dengan Tekanan Kerja	106
4.6	Kesimpulan	112

## V RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	114
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	115
5.2.1	Bentuk-Bentuk Gangguan Seksual	116
5.2.2	Perbezaan Gangguan Seksual Mengikut Faktor Demografi	118
5.2.3	Hubungan Gangguan Seksual dan Tekanan Kerja	119
5.3	Sumbangan Kajian	122
5.4	Cadangan Kajian	124
5.4.1	Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang	124
5.4.2	Cadangan Kepada Organisasi	125
5.4.3	Cadangan Kepada Pekerja	126
5.5	Kesimpulan	127
	<b>RUJUKAN</b>	129
	<b>LAMPIRAN</b>	
	Lampiran A hingga B	142-149

**SENARAI JADUAL**

<b>NO. JADUAL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Laporan Aduan Gangguan Seksual	3
3.1	Soal selidik Berkaitan Dengan Kajian	63
3.2	Skala Likert :Bentuk-Bentuk Gangguan Seksual	64
3.3	Skala Likert: Tekanan Kerja	65
3.4	Dapatan Kajian Rintis	68
3.5	Tahap Persetujuan Berdasarkan Nilai Min	73
3.6	Tafsiran Mengikut Pekali Korelasi	76
3.7	Jadual Ringkasan Pengujian Statistik	79
4.1	Dapatan Demografi Frekuensi Dan Peratus	82
4.2	Statistik Deskriptif Gangguan Seksual Secara Lisan	84
4.3	Statistik Deskriptif Gangguan Seksual Secara Isyarat	87
4.4	Statistik Deskriptif Gangguan Seksual Secara Visual	90
4.5	Statistik Deskriptif Gangguan Seksual Secara Psikologi	93

4.6	Statistik Deskriptif Gangguan Seksual Secara Fizikal	96
4.7	Taburan Jenis-Jenis Gangguan Seksual	99
4.8	ANOVA Sehala Perbezaan Gangguan Seksual Mengikut Umur	100
4.9	ANOVA Sehala Perbezaan Gangguan Seksual Mengikut Status Perkahwinan	102
4.10	ANOVA Sehala Perbezaan Gangguan Seksual Mengikut Pengalaman Bekerja	103
4.11	ANOVA Sehala Perbezaan Gangguan Seksual Mengikut Tahap Pendidikan	105
4.12	Analisis Deskriptif Tekanan Kerja	106
4.13	Analisis Korelasi Gangguan Seksual Dan Kesan Kesihatan Fizikal	108
4.14	Analisis Korelasi Gangguan Seksual Dan Kesan Psikologi	109
4.15	Analisis Korelasi Gangguan Seksual Dan Kesan Tingkahlaku	110
4.16	Analisis Korelasi Gangguan Seksual Dan Tekanan Kerja	111
4.17	Rumusan Dapatan Kajian Berdasarkan Objektif Kajian	113

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH SURAT</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA</b>
2.1	Simpton dan Kesan Gangguan Seksual	31
2.2	Model Kesan Tekanan Ke Atas Pekerja	48
2.3	Rangka Kajian Konseptul	50
3.1	Proses Rekabentuk Kajian	61
3.2	Q-Q Plot Gangguan Seksual	71
3.3	Q-Q Plot Tekanan Kerja	71
3.4	Aliran Metodologi Kajian	77

**SENARAI SIMBOL**

N	-	Bilangan responden
%	-	Peratus
r	-	Nilai korelasi Pearson
$\leq$	-	Kurang daripada atau sama dengan
$>$	-	Lebih daripada
p	-	Aras kesignifikanan

**SENARAI  
SINGKATAN**

SPSS	Statistical Package for Social Science
ILO	International Labour Organization
USHQ	Utara Sexual Harassment Questionnaires

**SENARAI  
LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
A	Contoh Borang Soal Selidik	142
B	Data mentah kajian	149



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Bab ini akan menerangkan tentang latar belakang kajian serta pernyataan masalah utama kajian ini. Di samping itu juga, bab ini akan menjelaskan objektif serta kepentingan kajian yang diperolehi daripada kajian ini. Definisi secara konseptual dan operasional gangguan seksual dan tekanan kerja akan juga diterangkan. Beberapa limitasi yang wujud di dalam kajian ini akan dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji pada masa akan datang.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Perkembangan ekonomi di Malaysia terutamanya di sektor perindustrian memerlukan tenaga kerja wanita. Akibat daripada perluasan kapitalisme ke merata dunia telah menyebabkan pergantungan kepada kemasukan wanita ke dalam pasaran tenaga kerja (Shawn, 2000). Kini wanita telah menjadi sumber tenaga pekerja yang sangat penting kepada sektor perindustrian, perkhidmatan, pertanian dan lain-lain bidang. Menurut laporan statistik dari Jabatan Perangkaan Malaysia, anggaran tenaga pekerja di pasaran Malaysia pada tahun 2011 adalah sebanyak 12.6 juta di pelbagai sektor dan 36 peratus daripadanya anggaran tenaga kerja tersebut adalah terdiri daripada pekerja wanita (Laporan Statistik Tenaga Buruh Tahun 2011, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011). Wanita kini mempunyai peluang yang luas untuk memasuki pasaran kerja. Akan tetapi, hal ini juga akan mendedah pekerja-pekerja wanita dengan masalah sosial di tempat kerja seperti gangguan seksual (Chong Ya Cheng, 2005).

Isu gangguan seksual di Malaysia bukanlah satu polemik baru. Ia sebenarnya telah dikenal pasti bermula pada tahun 1939 apabila Persatuan India Kelang melakukan tunjuk perasaan ke atas majikan yang terdiri daripada rakyat Eropah ekoran pencabulan seksual terhadap pekerja wanita di sektor perladangan di Perak (Md Isa *et al.*, 2008). Mengikut laporan statistik Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia jumlah aduan gangguan seksual yang dikendalikan adalah sebagaimana berikut:

**Jadual 1.1:** Laporan Aduan Gangguan Seksual di Semenanjung Malaysia

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan</b>
1999	29
2000	61
2001	46
2002	21
2003	16
2004	19
2005	12
2006	23
2007	9
2008	19
2009	22
2010	20
<b>Jumlah</b>	<b>297</b>

(Sumber: Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Kementerian Sumber Manusia. Feb, 2014 , <http://mohr.gov.my>)

Jadual 1.1 menunjukkan jumlah laporan aduan gangguan seksual yang dikendalikan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia mulai tahun 1999 hingga tahun 2010. Keseluruhan aduan yang dikendalikan adalah 297 aduan rasmi yang diterima oleh jabatan ini. Berdasarkan jadual tersebut di atas salahlaku gangguan seksual di tempat kerja berlaku setiap tahun dan di pelbagai sektor (Kementerian Sumber Manusia, 2014).

Masalah gangguan seksual di tempat kerja bukan sahaja berlaku pada sesuatu organisasi pekerjaan sahaja malahan di pelbagai bentuk organisasi seperti pejabat korporat, institusi kewangan, jabatan kerajaan, institusi pendidikan mahupun di pejabat perundangan (Golden *et al.*, 2001). Ia timbul bersebab daripada hubungan kerja harian yang melibatkan sikap peribadi individu di dalam sesebuah organisasi dan melibatkan golongan lelaki dan wanita (Abdul Rahim, 2003). Gangguan seksual di tempat kerja merupakan satu masalah kesihatan dan keselamatan pekerjaan (Persekutuan Majikan Malaysia, 1999). Gangguan seksual juga merupakan diskriminasi berdasarkan gender yang melibatkan perilaku seksual yang tidak diingini oleh mangsa di tempat kerja (Brewer dan Berk, 1982). Menurut perspektif Islam, kesalahan gangguan seksual adalah satu perbuatan yang mencemar maruah dan nama baik Islam sebagai agama yang menjamin keselamatan, keharmonian dan keamanan individu dan masyarakat (Ahmad Shamsul, 2005).

Mengikut Tengku Dato Omar dan Maimunah (2000), wanita di seluruh dunia telah menderita akibat masalah gangguan seksual yang tidak diingini dan juga kelakuan seksual yang melampau di tempat kerja. Pekerja yang menghadapi gangguan seksual boleh terganggu dari segi psikologi seperti perasaan rendah diri atau takut yang keterlaluan, fisiologi seperti migrain, kurang selera makan dan gangguan kesihatan lain, dan perubahan-perubahan tingkah laku seperti ponteng kerja, pendiam, pemarah atau membunuh diri (Sabitha, 1999). Mereka juga akan mengalami tekanan dari segi fizikal dan psikologikal (Lai Lee Ching, 2001). Kebanyakan wanita menganggapnya sebagai penghinaan, yang mana merendahkan tahap keyakinan diri mereka dan seterusnya mengganggu keberkesanan personal mereka (Prekel, 2001).

Hutagalung dan Zahari (2012) menyatakan gangguan seksual boleh meningkatkan rasa tertekan di tempat kerja. Menurut Crull (1981) pula, tekanan kerja yang disebabkan oleh gangguan seksual merupakan satu tekanan yang tersembunyi. Individu biasanya berada dalam dilema akibat daripada gangguan seksual dengan menunjukkan tanda-tanda tekanan yang tidak seimbang. Kesan berlakunya pengurangan daya produktiviti, kehilangan minat dalam pekerjaan dan seterusnya membawa kepada pemberhentian kerja di kalangan pekerja-pekerja wanita. Oleh yang demikian, tekanan di tempat kerja haruslah dielakkan kerana ia boleh mempengaruhi kemerosotan prestasi kerja yang akhirnya boleh menjejaskan organisasi (Dua, 1994).

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Masalah gangguan seksual telah mencapai-tahap yang membimbangkan sungguhpun banyak langkah dan usaha telah diambil bagi membendunginya. Tinjauan dalam 23 negara yang dibuat oleh Organisasi Perburuhan Antarabangsa (International Labour Organization [ILO]) mendapati antara 15% hingga 30% pekerja wanita mengalami gangguan seksual yang dilakukan oleh ketua atau rakan sekerja mereka (Noe *et al.*, 1994). Kebanyakan kajian yang dilakukan mendapati lebih daripada 50 peratus wanita pernah berhadapan dengan masalah gangguan seksual ( Silverman 1981 & Renzetti, 1987; Beauvais, 2003; Fain dan Anderton, 1987 dan Persekutuan Majikan Malaysia, 1999). Menurut Fitzgerald (1993) seorang dari setiap dua orang pekerja wanita akan menjadi mangsa gangguan seksual. Kajian oleh Sabhita (2001) telah memperolehi keputusan kajian yang menunjukkan bahawa antara 42 peratus hingga 70 peratus pekerja wanita di negara ini telah mengalami gangguan seksual.

Kajian di Amerika Syarikat pula mendapati lebih daripada 50% pekerja wanita pernah berhadapan dengan masalah gangguan seksual (Silverman, 1981: Curran dan Renzetti, 1987). Ancaman gangguan seksual yang dialami oleh kaum wanita di tempat kerja, baik berbentuk fizikal mahupun emosi merupakan masalah yang serius pada masa ini ( U.S Merit System Protection Board, 2004; Fitzgerald dan Shullman, 2003). Kenyataan ini disokong oleh Singer (2003) bahawa gangguan seksual merupakan masalah kritikal yang dihadapi oleh wanita, kerana berkaitan dengan pelanggaran hak asasi, bersifat jenayah dan diskriminasi.

Gangguan seksual juga merupakan salahlaku yang sangat serius di tempat kerja hingga boleh menyebabkan pemecatan kerja kepada pelakunya dan merupakan satu penghinaan kepada mangsa. Di Malaysia terdapat beberapa kes telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan. Salah satu kes gangguan seksual yang dirujuk ke Mahkamah Perusahaan ialah perbuatan seorang pekerja yang menggunakan kedudukannya sebagai penyelia untuk mengambil kesempatan mengganggu dan mengacau kakitangan di bawah penyeliannya. Kes di rujuk oleh pengadu iaitu pengganggu kerana tidak berpuashati ditamatkan perkhidmatan atas sebab membuat gangguan seksual kepada pekerja bawahannya. Mahkamah Perusahaan memutuskan bahawa gangguan seksual adalah satu salahlaku yang amat serius walaupun ia tidak dinyatakan dalam syarat-syarat perkhidmatan, oleh itu pemecatan pengadu atas sebab melakukan salahlaku gangguan seksual adalah wajar. Malahan jika pihak majikan membiarkan perlakuan ini di tempat kerja, mangsa-mangsa gangguan seksual boleh menganggapnya sebagai satu kesalahan yang dilakukan oleh majikan dan mereka seterusnya boleh menganggap kontrak perkhidmatan mereka dilanggari dengan sengaja (Mahkamah Perusahaan Malaysia, Award No. 540/1998). Manakala satu lagi kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Perusahaan Award No.1807/2006 pula menerangkan bahawa sentuhan ke atas buah dada kanan mangsa merupakan kesalahan yang sangat serius lebih-lebih lagi di kalangan masyarakat Asia. Perbuatan ini merupakan satu penghinaan dan sentuhan fizikal yang tidak dibenarkan. Perilaku ini telah menyebabkan mangsa mengalami tekanan

perasaan yang serius dan tindakan majikan menamatkan perkhidmatan tertuduh adalah munasabah.

Gangguan seksual meninggalkan kesan negatif dan destruktif kerana ia merupakan satu bentuk jenayah sosial yang tidak sihat dan perlu dibanteras (Abdul Rahim, 2003). Menurut Barak (1994), gangguan seksual yang berlaku boleh mendatangkan kesan buruk bukan sahaja kepada individu, malah turut memberikan kesan yang sama di peringkat organisasi. Kajian menunjukkan bahawa kesan negatif akibat gangguan seksual di tempat kerja boleh menjejaskan dua pihak, iaitu pekerja yang menjadi mangsa dan juga organisasi itu sendiri (Barak, 1994). Selain itu, dari aspek ini, kebanyakan individu yang menjadi mangsa kepada gangguan seksual di tempat kerja melaporkan bahawa mereka telah mengalami beberapa tekanan psikologi, penderaan emosi dan masalah kesihatan fizikal (Henry dan Meltzoff, 1998). Perlakuan gangguan seksual merupakan satu ancaman yang boleh menyebabkan persekitaran kerja yang tidak sihat, oleh itu ia mestilah ditangani secara serius kerana sekiranya gangguan seksual ini tidak ditangani ia akan merebak ke seluruh organisasi seperti penyakit yang sedang berjangkit (Persekutuan Majikan Malaysia, 1999).

Gangguan seksual boleh berlaku dalam pelbagai cara dan bentuk di tempat kerja (Chong Ya Cheng, 2005). Kajian oleh Sabitha (1999) menunjukkan pekerja-pekerja wanita di sektor kerajaan pernah mengalami beberapa bentuk gangguan seksual seperti kata-kata seksual (33%), sentuhan fizikal yang tidak diingini (26%) dan paksaan untuk mengadakan *dating* (15%). Hampir 10 peratus daripada pekerja wanita tersebut telah dipaksa secara langsung untuk menerima layanan berbentuk seksual serta pernah menerima panggilan telefon, surat dan nota yang berunsurkan seksual yang tidak diingini. Manakala bentuk-bentuk gangguan paling serius sering terjadi di tempat kerja adalah gangguan seksual secara lisan iaitu sebanyak 60% dan fizikal sebanyak 50% (*European Commission, 1999*). Sesetengah kes-kes gangguan seksual ini sukar ditangani kerana ianya dilakukan oleh lelaki yang mempunyai

kedudukan dan pengaruh di tempat kerja. Mengikuti laporan ILO (International Labour Office, 2001) gangguan seksual di tempat kerja dilakukan oleh golongan atasan atau pemimpin lelaki dan oleh sebab itulah ianya tidak dilaporkan.

Selain daripada masalah tersebut, mangsa juga mengalami masalah dalam memahami maksud sebenar tingkahlaku yang dikatakan sebagai gangguan seksual. Kajian yang telah dijalankan oleh Fitzgerald (2003) terhadap sekumpulan guru mendapati mereka mengalami masalah dalam memahami maksud sebenar gangguan seksual walaupun perbuatan berbentuk seksual yang mereka alami menepati definisi sebenar gangguan seksual, dan ianya sering disalah tafsirkan sebagai gurauan dan hiburan semata-mata. Sesetengah mangsa mengambil tindakan mendiamkan sahaja tingkah laku gangguan seksual ini kerana ada di kalangan mangsa masih tidak memahami maksud sebenar tingkah laku tersebut (Ishak *et al.*, 2004). Ini telah ditemui oleh Abdul Mun'im (2001) menerusi kajiannya yang bertujuan melihat tahap kesedaran di kalangan pegawai tadbir yang bukan mangsa di sebuah institusi pengajian tinggi awam. Hasil kajian menunjukkan 54% subjek kajian menyatakan kurang faham maksud sebenar tingkah laku gangguan seksual. Oleh demikian kemungkinan ada sesetengah pekerja wanita beranggapan perlakuan yang dikategorikan sebagai gangguan seksual adalah sebagai gurauan biasa.

Seterusnya, masalah gangguan seksual juga dikaitkan dengan faktor demografi mangsa seperti umur dan status. Menurut Gutek (1985) dan Koss *et al.*, (1994) ada pengaruh gangguan seksual dengan karakteristik mangsa antara lainnyanya adalah umur mangsa, tempoh perkhidmatan, status perkahwinan dan jawatan. Di samping itu juga, Young (2001) menyatakan pekerja wanita yang mudah menjadi mangsa gangguan seksual ialah yang masih bujang ataupun janda. Zaiton (1990), Schneider (2001), Ng dan Zanariah (2003) pula mendapati golongan pekerja yang lebih berkemungkinan terdedah kepada gangguan seksual adalah mereka yang terdiri daripada golongan ibu tunggal, wanita bujang, wanita berusia muda, mempunyai tahap pendidikan rendah, pengalaman kerja yang masih baru, belum berkahwin,



pekerja kumpulan seperti kerani berbanding pekerja yang lebih berusia, berpendidikan tinggi dan berjawatan pada peringkat pengurusan atau profesional. Kajian oleh Sabitha (2003) juga menunjukkan golongan pekerja yang lebih banyak diganggu adalah mereka yang terdiri dari golongan wanita berumur muda, janda dan wanita bujang. Kajian oleh Hutagalung dan Zahari (2012) pula menunjukkan gangguan seksual lebih banyak berlaku pada pekerja berusia antara 26 hingga 39, pada tahap jawatan bukan profesional, telah berkahwin dan perkhidmatan kurang dari 5 tahun.

Berdasarkan masalah gangguan seksual ini, maka kajian ini dilakukan. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk mengetahui bentuk-bentuk gangguan seksual yang kerap dilakukan oleh pelaku di tempat kerja, mengetahui adakah terdapat perbezaan gangguan seksual terhadap pekerja-pekerja wanita mengikut faktor demografi (umur, status perkahwinan, pengalaman bekerja dan tahap pendidikan) dan hubungan gangguan seksual di tempat kerja terhadap tekanan kerja (kesihatan fizikal, psikologi dan tingkahlaku). Akhir sekali, memandangkan banyak kajian telah dijalankan di luar negara terhadap fenomena gangguan seksual, tetapi dalam konteks tempatan masih kurang dilakukan, maka pengkaji berpendapat bahawa kajian ini sewajarnya dijalankan khusus dalam konteks tempatan.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

- 1.4.1 Apakah bentuk-bentuk gangguan seksual yang kerap dilakukan oleh pelaku terhadap pekerja-pekerja wanita?
- 1.4.2 Adakah terdapat perbezaan gangguan seksual kepada pekerja-pekerja wanita mengikut faktor demografi (umur, status perkahwinan, pengalaman bekerja dan tahap pendidikan)?
- 1.4.3 Adakah terdapat hubungan diantara gangguan seksual dengan tekanan kerja (kesihatan fizikal, psikologi dan tingkahlaku) di kalangan pekerja-pekerja wanita?.

#### **1.5 Matlamat Kajian**

Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti bentuk-bentuk gangguan seksual yang kerap dilakukan oleh pelaku di tempat kerja terhadap pekerja-pekerja operator wanita tempatan, seterusnya kajian ini dijalankan untuk mengetahui adakah terdapat perbezaan gangguan seksual terhadap pekerja-pekerja wanita mengikut faktor demografi (umur, status perkahwinan, pengalaman bekerja dan tahap pendidikan) dan hubungan gangguan seksual di tempat kerja terhadap tekanan kerja (kesihatan fizikal, psikologi dan tingkahlaku).

## **1.6 Objektif Kajian**

- 1.6.1 Mengenalpasti bentuk-bentuk gangguan seksual yang kerap dilakukan oleh pelaku terhadap pekerja-pekerja wanita.
- 1.6.2 Mengenalpasti perbezaan gangguan seksual kepada pekerja-pekerja wanita mengikut faktor demografi (umur, status perkahwinan, pengalaman bekerja dan tahap pendidikan).
- 1.6.3 Mengenalpasti hubungan diantara gangguan seksual dengan tekanan kerja (kesihatan fizikal, psikologi dan tingkahlaku) di kalangan pekerja-pekerja wanita.

## **1.7 Hipotesis Kajian**

Hipotesis pertama hingga empat yang telah dibentuk bagi menguji dan meramal pembolehubah-pembolehubah yang terdapat dalam kajian ini berdasarkan kajian oleh beberapa pengkaji iaitu Sabitha (2003), Hutagalung dan Zahari (2012) yang menunjukkan terdapat pengaruh demografi mangsa terhadap gangguan seksual iaitu umur, status perkahwinan, pengalaman bekerja dan tahap pendidikan. Manakala hipotesis ke lima hingga ke lapan pula merujuk kepada model kesan tekanan kerja (kesihatan fizikal, psikologi dan tingkahlaku) oleh Robbins (1998) sebagaimana di bawah:

- 1.7.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan gangguan seksual kepada pekerja-pekerja wanita mengikut umur.
- 1.7.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan gangguan seksual kepada pekerja-pekerja wanita mengikut status perkahwinan.
- 1.7.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan gangguan seksual kepada pekerja-pekerja wanita mengikut pengalaman bekerja.
- 1.7.4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan gangguan seksual kepada pekerja-pekerja wanita mengikut tahap pendidikan.
- 1.7.5 Terdapat hubungan yang signifikan antara gangguan seksual dengan kesihatan fizikal.
- 1.7.6 Terdapat hubungan yang signifikan antara gangguan seksual dengan psikologi.
- 1.7.7 Terdapat hubungan yang signifikan antara gangguan seksual dengan tingkahlaku.
- 1.7.8 Terdapat hubungan yang signifikan antara gangguan seksual dengan tekanan kerja.

## **1.8 Skop Kajian**

Skop pertama, kajian ini dijalankan di kalangan pekerja operator wanita tempatan di sebuah syarikat perkilangan di Johor Bahru. Tujuan kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti masalah gangguan seksual di tempat kerja dan kesannya terhadap tekanan kerja. Ia dijalankan di sebuah syarikat perkilangan di Johor Bahru. Sasaran kajian adalah pekerja-pekerja operator wanita tempatan kerana mereka lebih terdedah kepada gejala gangguan seksual di tempat kerja.

Seterusnya kajian ini juga akan memfokuskan kepada masalah gangguan seksual yang dihadapi oleh pekerja-pekerja ini dan satu pembolehubah yang lain iaitu tekanan kerja. Pengkaji menggunakan rekabentuk kajian deskriptif dan korelasi. Ini bertujuan untuk mengkaji sesuatu fenomena dan mengenalpasti hubungan yang diandaikan wujud dengan menggunakan rekabentuk tinjauan dan instrumen borang soal selidik. Pengkaji juga menggunakan keseluruhan populasi iaitu seramai 245 orang pekerja operator wanita tempatan sebagai responden dalam kajian ini.

## **1.9 Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian yang dijalankan dapat memberi sumbangan kepada organisasi, pekerja, sumber ilmiah dan juga kepada pengkaji akan datang.

### **1.9.1 Organisasi**

Kajian ini penting kepada organisasi sebagai panduan dan rujukan oleh pihak pengurusan untuk meninjau bentuk-bentuk tingkahlaku gangguan seksual yang kerap berlaku dan kesannya kepada mangsa. Rumusan dan cadangan mengenai langkah-langkah pencegahan dan tindakan yang perlu dilaksanakan oleh pengkaji diharap dapat dinilai dan dijadikan panduan bagi menangani masalah gangguan seksual berlaku di tempat kerja.

Kajian ini juga penting kepada pekerja bagi membantu mereka untuk lebih memahami bentuk-bentuk tingkahlaku gangguan seksual dan kesannya terhadap tekanan di tempat kerja. Cadangan kepada pekerja mengenai sikap dan keperihatinan terhadap kaedah pencegahan gangguan seksual juga diharap dapat membantu pekerja menjaga keselamatan diri daripada di ganggu.

### **1.9.2 Sumber Ilmiah dan Pengkaji Akan Datang**

